

# **Definisi Remaja Dan Pembentukan Konsep Kendiri**

## **(part 7)**

**Assoc. Prof. Dr. Azizi Hj Yahaya**

Pembentukan konsep kendiri remaja dapat dilihat melalui ciri-ciri remaja tersebut. Pada peringkat perkembangan remaja, mereka akan mengalami perubahan dari semasa ke semasa baik dari segi fizikal mahupun mental. Pembentukan ini boleh dilihat dari perubahan perasaan atau emosional. Ia sangat cepat berlaku pada individu yang melangkah ke alam remaja seperti tekanan perasaan atau memberontak. Perubahan emosional ini adalah hasil daripada perubahan hormon. Pada masa perubahan ini berlaku, kebanyakan mereka suka mengikut perasaan dan sering mengalami tekanan. Akibat daripada itu, pelbagai tindakan yang diluar jangkaan sering dilakukan oleh mereka bagi memenuhi hati dan kehendaknya semata-mata. Perubahan fizikal mereka juga mengalami banyak perubahan pada tahap remaja. Kadangkala, perubahan cepat berlaku sama ada perubahan dalaman seperti kematangan seksual, pencernaan, sistem perkumuhan mahupun perubahan luaran seperti tinggi, berat badan. Ini sangat dipengaruhi oleh konsep diri remaja tersebut. Selain itu, perubahan dari segi perhubungan dengan orang lain mahupun masyarakat. Perubahan juga terjadi dalam hubungan bukan sahaja dengan individu sama jantina malah dengan berlainan jantina serta orang dewasa. Kebanyakan remaja bersikap dilema dalam menghadapi perubahan yang terjadi. Kadangkala mereka menginginkan kebebasan tetapi kadangkala mereka takut akan tanggungjawab yang menyertai kebebasan tersebut serta meragukan kemampuan mereka sendiri untuk memikul tanggung jawab tersebut.